

FTK Insight

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN



UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

EDISI 1 2014



TA
157
.F57
2014
a
v1



iFTK

Isi Kandungan

	ms	3	Kata Aluan Dekan
Sejarah Penubuhan FTK & Halatuju FTK	ms	4	
	ms	6	Statistik Pelajar & Staf FTK
Kemudahan di FTK	ms	8	
	ms	10-12	Lawatan luar negara ke FTK
Lawatan FTK ke luar negara	ms	12-13	
	ms	14-16	Program Mobiliti Pelajar/ PERANTIS
Pemeriksa luar dan Panel Penasihat Industri	ms	16-17	
	ms	17	Hubungan Industri 2012-2013
	ms	21	MOU
	ms	22-27	PINTAR FTK
PERINTIS FTK	ms	28	
	ms	34-39	Inovasi 2012-2013
Pekerti	ms	40-45	
	ms	46-47	Keratan Akhbar
Editorial	ms	48	

KATA ALU-ALUAN DEKAN

PERPUSTAKAAN	
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Aksesan	No. Penggilan
875 16 101	TA 157
Tarikh	F57 2014 v1
08 SEP 2023	

no/150923

Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia,

Pertama-tamanya tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Penulisan & Penerbitan FTK kerana atas usaha mereka dalam menghasilkan Buletin pertama Fakulti Teknologi Kejuruteraan, FTK yang diberi nama "FTK Insight".

Seperti yang sedia maklum, Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah ditubuhkan secara rasmi pada 11 April 2011. Berbekalkan visi untuk menawarkan pendidikan teknologi kejuruteraan terbaik yang mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kerana pencapaiannya, FTK sememangnya menitikberatkan pencapaian di segala bidang demi mengukuhkan nama FTK.

FTK komited dalam menawarkan program teknologi kejuruteraan yang berkualiti yang dapat memacu pelajar ke arah mencapai objektif pendidikan, matlamat profesional dan penglibatan kepada pembelajaran sepanjang hayat selaras dengan misi utama kami. Selaras dengan misi dan visi tersebut, sebanyak sepuluh kursus telah ditawarkan dan ia berpaksikan kepada empat bidang utama kejuruteraan iaitu Elektrik, Elektronik dan Komputer, Pembuatan dan Mekanikal.

Berbekalkan kekuatan kira-kira 132 tenaga pengajar dan 34 staf sokongan yang sedia ada, kami semua berusaha membawa FTK ke arah kecemerlangan akademik dan sahsiah. Jumlah pelajar sedia ada pada ketika ini ialah kira-kira 1682 orang dan ianya hanya merangkumi pelajar tahun satu hingga tiga sahaja.

Meskipun FTK merupakan sebuah fakulti baru di UTeM, namun, saya rasa amat berbangga dengan usaha staf yang telah berganding bahu dan mengembeling tenaga dalam menyokong dan membawa kecemerlangan pelajar-pelajar FTK di pertandingan-pertandingan Inovasi di Malaysia mahupun antarabangsa. Usaha ini turut bergantung kepada pelajar-pelajar yang bersama-sama memberi komitmen bersama staf-staf FTK. Tahniah dan terima kasih diucapkan. Saya berharap, pencapaian membanggakan ini dapat diteruskan di masa-masa hadapan.

Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan



TA157 .F57 2014 v1



87516101

SEJARAH PENUBUHAN FTK

LATAR BELAKANG

1. **Nama** : Fakulti Teknologi Kejuruteraan
2. **Tarikh ditubuhkan** : 11 April 2011
3. **Visi** : Menawarkan Pendidikan Teknologi Kejuruteraan Yang Terbaik Yang Mendapat Pengiktirafan Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa Kerana Pencapaiannya.
4. **Misi** : Menawarkan Program Teknologi Kejuruteraan Yang Berkualiti Yang Dapat Memacu Pelajar Ke Arah Mencapai Objektif Pendidikan, Matlamat Profesional Dan Penglibatan Kepada Pembelajaran Sepanjang Hayat.
5. **Moto** : Kearah Kecemerlangan Pendidikan Teknologi Kejuruteraan

KONSEP PENUBUHAN

Penubuhan FTK merangkumi struktur kurikulum dan pengajian yang berbeza dan unik dimana konsep pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan industri serta kreativiti dan penekanan terhadap amalan/praktikal. Disamping itu juga, FTK beroperasi dengan kemudahan "teaching factory" yang mengukuhkan lagi reputasinya sebagai sumber graduan berkemahiran dan berdaya saing tinggi. Penglibatan industri secara intensif yang merangkumi pembangunan kurikulum, panel pengajar industri dan latihan industri/amalan merupakan teras FTK.

KONSEP PENGAJIAN

Kursus yang ditawarkan di FTK adalah mengkhusus (berfokus) dimana kurikulum dengan kandungan aplikasi dan amalan dibangun bersama industri untuk memenuhi keperluan industri (pakar).

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah penting untuk menarik minat dan melahirkan pelajar yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif. Justeru, kaedah yang diguna pakai di FTK ialah pengajaran secara kreatif dan inovatif. FTK turut menggunakan kaedah pembelajaran bersama industri demi memberi gambaran awal kepada pelajar tentang alam pekerjaan kelak. FTK lebih menekankan kepada kemahiran berteknologi tinggi untuk melahirkan seorang graduan berteraskan teknologi dan teknikal. Teknik pengajaran yang diguna pakai adalah berasaskan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), pembelajaran berasaskan masalah (PBL), dan "flipped learning" bagi sesi kuliah, tutorial, bengkel-bengkel kemahiran dan projek-projek mengikut subjek sangat diterapkan di FTK.

HALATUJU FTK


Fokus dan halatuju utama FTK ialah memfokuskan kepada pengajaran teknikal dan latihan kemahiran berteknologi tinggi untuk diterapkan kepada para pelajar. Dengan sasaran ini, ianya diharap mampu melahirkan tenaga berkemahiran tinggi yang amat diperlukan di industri-industri sekaligus memacu ke arah mencapai matlamat sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

Justeru, FTK menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di dalam empat bidang pengajian utama iaitu Elektrik, Elektronik dan Komputer, Mekanikal, dan Pembuatan. Kesemua bidang ini merupakan bidang utama dalam konteks kejuruteraan.

Untuk pertama kalinya, 10 program telah ditawarkan dan diuruskan oleh empat jabatan iaitu Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik (JTKE), Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (JTKEK), Jabatan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (JTKM) dan Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (JTKP).

	Nama Program	Kod	Jabatan
1	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian	BETI	JTKE
2	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) dengan Kepujian	BETR	
3	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) dengan Kepujian	BETT	JTKEK
4	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan Kepujian	BETE	
5	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) dengan Kepujian	BETC	
6	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) dengan Kepujian	BETA	JTKM
7	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyaman Udara) dengan	BETH	
8	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) dengan Kepujian	BETM	
9	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses dan Teknologi) dengan Kepujian	BETP	JTKP
10	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian	BETD	

Surat beranak FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN




STATISTIK PELAJAR DAN STAF FTK

PELAJAR-PELAJAR FTK


Dari mula penubuhan 2011 hingga 2014, FTK telah menawarkan sebanyak 10 program Ijazah Sarjana Muda dimana JTKE telah menawarkan dua program, JTKEK menawarkan tiga program, JTKM menawarkan tiga program, dan JTKP menawarkan dua program.

Setiap program yang ditawarkan adalah dengan tempoh pengajian minimum 4 tahun / 8 semester dan maksimum 6 tahun / 12 semester. Pelajar di FTK setakat ini hanya terdiri daripada pelajar tahun pertama, kedua, dan ketiga sahaja. Bermula sesi September 2014/2015, FTK akan melahirkan pelajar tahun akhir yang pertama sejak ianya ditubuhkan. Berikut adalah statistik bilangan pelajar FTK yang diambil dari sesi 2011/2012 sehingga sesi 2013/2014 mengikut jabatan dan kursus.


CARTA PAI



Bilangan Kemasukan Pelajar



Daripada statistik yang diperolehi, jumlah pelajar bagi kohort 1 adalah seramai 384 orang dimana ianya terdiri daripada 227 orang pelajar lelaki dan 157 orang pelajar perempuan. Pelajar kohort 1 adalah dikalangan pelajar tahun 3 yang dijadualkan menamatkan pengajian mereka sekitar bulan Jun 2015. Bagi pelajar kohort 2 pula, statistik terkini menunjukkan jumlah bilangan pelajar adalah seramai 562 orang dimana ianya terdiri daripada 391 orang pelajar lelaki dan 171 orang pelajar perempuan. Pelajar kohort 3 di FTK pula adalah seramai 722 orang iaitu 464 orang pelajar lelaki dan 258 orang pelajar perempuan.



Sehingga bulan Mac 2014, seramai 166 orang staf telah berkhidmat di FTK dimana ianya terdiri daripada 132 orang staf akademik, 12 orang staf pentadbiran dan 22 staf sokongan. Staf akademik terdiri daripada pensyarah dan juga jurutera pengajar, manakala staf sokongan terdiri daripada juruteknik. Kesemua staf akademik di FTK telah ditempatkan di jabatan mengikut kemahiran dan kepakaran masing-masing. Secara umumnya tenaga pengajar di FTK mempunyai pengalaman industri selama 3-5 tahun dalam pelbagai bidang yang menonjolkan keunikan FTK.

Pengalaman Industri

STAF FTK




KEMUDAHAN DI FTK

FTK telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kemudahan yang disediakan adalah bilik kuliah yang kondusif, makmal yang berteknologi tinggi dan juga bilik tutorial yang selesa.

Pembelajaran di FTK adalah lebih menjurus kepada kerja tangan dan amali (hands-on). Jumlah makmal dan bengkel yang terdapat di FTK setakat ini adalah sebanyak 103 unit. Setiap jabatan dilengkapi dengan makmal yang bersesuaian dengan kerja amali pelajar FTK. Kelengkapan di dalam makmal juga sentiasa ditambah dan diperbaiki seiring dengan kemajuan masa kini. Ia bagi memastikan pelajar di FTK dapat mengaplikasikan kemahiran mereka dalam bidang yang mereka ceburi kedalam industri. Berikut merupakan statistik makmal dan bengkel yang terdapat di FTK setakat ini.


Makmal di FTK



Sesi kuliah di FTK dijalankan didalam bilik kuliah yang telah disediakan. Sebanyak 10 bilik kuliah terdapat di FTK dimana 6 daripadanya berada di bangunan FTK manakala selebihnya berada di bangunan FKM. Selain daripada bilik kuliah, sesi pembelajaran juga turut diadakan di bilik 'Student Centered Learning' (SCL) yang terletak di Factory FTK. Terdapat dua Factory di FTK iaitu Factory 1 yang menempatkan 2 bilik SCL dan Factory 2 yang menempatkan 3 bilik SCL.

JTKE

1. Bengkel Elektrik 1
2. Makmal Instrumentasi
3. Makmal Teknologi Elektrik
4. Bengkel Kawalan, Instrumentasi & Mekatronik
5. Makmal Simulasi Elektrik 1
6. Makmal Elektrik & Elektronik 1
7. Makmal Elektrik & Elektronik 2
8. Bengkel Elektrik 2
9. Makmal Sistem Kawalan 1
10. Makmal Sistem Kawalan 2
11. Makmal Mesin Elektrik
12. Makmal Sistem Kuasa
13. Makmal Elektronik Kuasa & Pemacu
14. Makmal Pneumatik & Hidraulik
15. Makmal Simulasi Elektrik 2
16. Makmal FMS
17. Makmal Pengagihan Kuasa
18. Makmal Kecekapan Tenaga
19. Makmal Robotik
20. Makmal Sistem Kuasa Lanjutan
21. Makmal PSM & PBL
22. Makmal Voltan Tinggi
23. Makmal Kecerdikan Tiruan
24. Makmal PLC dan Automasi



JTKEK

1. Makmal Perhubungan Asas
2. Makmal Elektronik Perhubungan
3. Makmal Wayarles
4. Makmal Soldering
5. Makmal Komunikasi Data & Rangkaian
6. Makmal Elektronik Asas 1
7. Makmal Elektronik Asas 2
8. Makmal Elektronik Industri
9. Makmal Automasi
10. Makmal Projek & Penentukuran
11. Makmal Pengaturcaraan Komputer
12. Makmal Sistem Komputer
13. Makmal Sistem Digit
14. Makmal Mikro Pemproses & Mikro Pengawal
15. Makmal Perisian
16. Makmal Sistem Pengoperasian
17. Makmal Pengaturcaraan Komputer 2
18. Makmal Sistem Elektronik
19. Makmal Antenna
20. Makmal Frekuensi Radio
21. Makmal Sistem Telekomunikasi
22. Makmal Gelombang Mikro
23. Bengkel Elektronik
24. Makmal Kawalan Industri
25. Makmal Sistem Rangkaian





JTKM

1. Makmal Termobendalir
2. Studio Drafting
3. Makmal Fizik
4. Makmal Teknologi Pengukuran
5. Makmal Studio CAD 1
6. Makmal Studio CAD 2
7. Makmal Studio CAD 3
8. Makmal Studio CAD 4
9. Makmal Studio CAD 5
10. Makmal Sains Bahan
11. Makmal Statik
12. Makmal Dinamik Dan Mekanik Mesin
13. Makmal Mekanik Pepejal
14. Makmal Tribologi & Transmisi
15. Makmal Asas Teknologi HVAC
16. Makmal Penyelenggaraan Mesin Mekanikal
17. Makmal Diagnostik & Getaran Mesin
18. Makmal Pengagihan Udara
19. Makmal Aplikasi HVAC
20. Makmal Teknologi Industri HVAC
21. Makmal Teknologi Autotronik
22. Makmal Ujian Prestasi Kenderaan
23. Bengkel Servis Kenderaan
24. Makmal Teknologi Casis Automotif
25. Studio Analisis Automotif
26. Bengkel Inovasi & PSM HVAC
27. Studio Analisis HVAC
28. Makmal Tenaga Terbaharu
29. Makmal Pemindahan Haba
30. Makmal Penyelenggaraan Bangunan
31. Makmal Penentukuran & Analisis Minyak
32. Bengkel Inovasi & PSM Penyelenggaraan



1. Makmal Teknologi Tuangan
2. Makmal Teknologi Pencantuman
3. Makmal Teknologi Pemesinan 1
4. Makmal Teknologi Fabrikasi Logam & Menggegas
5. Makmal Rekabentuk Produk
6. Makmal Pembuatan Terpantas & Studio DFX
7. Makmal Teknologi Pembuatan Termaju & Studio CNC
8. Makmal Kejuruteraan Industri & Kawalan Kualiti
9. Makmal Metrology
10. Makmal Teknologi Pemesinan Termaju
11. Makmal Reka Bentuk Ergonomik & OSHE
12. Makmal Rekabentuk Industri & Studio CATIA PLM
13. Makmal Pengujian Bahan & EFGO
14. Makmal Teknologi Plastik
15. Makmal Projek
16. Makmal Teknologi Pencantuman Termaju
17. Makmal Teknologi Pembentukan Termaju
18. Makmal Komposit Dan Rawatan Permukaan
19. Makmal Teknologi Pemesinan 2
20. Makmal PSM & Inovasi
21. Makmal Teknologi Tuangan Logam
22. Studio Rekabentuk Industri



Lawatan LUAR NEGARA KE FTK

Tajuk : Lawatan oleh Pegawai Antarabangsa dari Perancis
Tarikh : 10 April 2012

Satu pertemuan antara tenaga pengajar Fakulti Teknologi kejuruteraan (FTK) bersama Dr Françoise Lavinal dari Universiti Institut Teknologi (IUT) Perancis telah diadakan di Kampus Industri. Pertemuan itu telah berjaya mencetus idea dan pendedahan baru yang berimpak tinggi di kalangan warga fakulti untuk memantapkan lagi corak pengajaran dan pembelajaran di FTK yang telah mencecah usia setahun.

Dr Françoise telah berkongsi corak pengajian program diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan PhD di Perancis. Selain itu, beberapa keunikan IUT yang menjadikan institusi tersebut sangat popular di Perancis turut dikongsi bersama oleh beliau. Hubungan rapat IUT dengan pihak industri di Perancis serta kaedah IUT mengekalkan hubungan rapat dengan pihak industri adalah amat mengagumkan. Tambahan pula, dana IUT sering disokong oleh polisi-polisi kerajaan Perancis yang mementingkan pendidikan dan kolaborasi dengan pihak industri. Menurut Dekan FTK Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff, penganjuran aktiviti seperti ini secara tidak langsung memberi motivasi dan semangat untuk kakitangan FTK dalam menerapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terbaik bagi menghasilkan graduan-graduan yang berkualiti selaras dengan agenda kerajaan.




Tajuk : Lawatan dan Mesyuarat Bersama Prof. Thierry Chevrot.

Tarikh : 28 Jun 2013 - 06 Julai 2013

Program ini telah berlangsung dari 28 Jun sehingga 06 Julai 2013. Objektif utama lawatan dan mesyuarat ini adalah bertujuan untuk semakan terhadap pelaksanaan kursus-kursus di bawah Jabatan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (JTKM) dan Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (JTKP) di samping untuk mendapat maklumbalas serta cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.

Pengisian lawatan dan mesyuarat selama 5 hari ini merangkumi lawatan ke makmal-makmal yang telah dibangunkan, semakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, penelitian terhadap kertas peperiksaan akhir serta perbincangan bersama pengajar dan juga sesi temubual bersama pelajar.

Secara keseluruhan, program ini telah berlangsung dengan lancarnya dan beberapa komen dan ulasan yang diberikan oleh pemeriksa luar ini akan diambil kira untuk tujuan penambahbaikan.



Tajuk : Lawatan dan Mesyuarat Bersama Prof. Ing. Dr. Heinz Schmiedel

Tarikh : 21-26 Oct. 2013

Program yang telah berlangsung dari 21 hingga 26 Oktober 2013 ini merupakan lawatan dan mesyuarat kali ke-2 bersama pemeriksa luar ini. Objektif utama lawatan dan mesyuarat ini adalah bertujuan untuk semakan terhadap pelaksanaan kursus-kursus di bawah Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik (JTKE) dan Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (JTKEK) di samping untuk mendapat maklumbalas serta cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.

Pengisian lawatan dan mesyuarat selama lima hari ini merangkumi lawatan ke makmal-makmal yang telah dibangunkan, semakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, penelitian terhadap kertas peperiksaan akhir serta perbincangan bersama pengajar dan juga sesi temubual bersama pelajar.


Secara keseluruhan, program ini telah berlangsung dengan lancarnya dan beberapa komen dan ulasan yang diberikan oleh pemeriksa luar ini akan diambil kira untuk tujuan penambahbaikan.



Tajuk : Lawatan Mr. Thierry Chollet, VP Global Education & Academia, Dassault Systeme

Tarikh : 11 Disember 2013

Fakulti telah menerima lawatan Mr. Thierry Chollet pada 11 Disember 2013. Lawatan ringkas yang diadakan adalah ini susulan dari lawatan kerja yang telah dilakukan oleh Datuk Naib Canselor sebelum ini ke Dassault Systeme. Beliau telah dibawa untuk melawat makmal yang menggunakan pakai perisian CATIA dan SolidWorks dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu juga, Mr. Thierry juga berkesempatan untuk melihat pameran penyelidikan yang telah ditempatkan di ruang legar FTK serta di Blue Dot.



Tajuk : Lawatan oleh Prof. Jung dari Man & Tel Co. Limited, Korea

Tarikh : 14 Februari 2014

Pada 14 Februari 2014, FTK telah menerima lawatan singkat dari Prof. KW Jung Man & Tel Co. Limited. Di kesempatan itu, beliau telah mengadakan perbincangan dengan tenaga pengajar dari bidang telekomunikasi, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektronik & Komputer serta memberikan beberapa input yang boleh penambahbaikan silibus matapelajaran dalam bidang yang berkaitan.

Beliau juga telah dibawa untuk melihat makmal-makmal yang telah dibangunkan berkaitan dengan bidang telekomunikasi dan secara keseluruhannya, beliau berpuashati dengan pembangunan yang sedia ada dan dalam pembangunan.



LAWATAN FTK KE LUAR NEGARA

Dalam memastikan pelaksanaan program teknologi kejuruteraan mematuhi keperluan piawai di peringkat nasional dan juga antarabangsa, beberapa siri lawatan ke luar negara telah dijalankan. Ini termasuklah :

Lawatan ke beberapa universiti di Korea Selatan dari 26 November hingga 01 Disember 2012. Delegasi kerja yang terdiri dari Timbalan Dekan Penyelidikan dan Hubungan Industri, Puan Rohana serta Ketua Jabatan, En. Asri dan En. Rostam Affendi telah melawat antaranya Kumoh National Institute of Technology (KIT) dan Gumi University



Lawatan ke beberapa universiti di Jerman dan Perancis dari 23 November hingga 01 Disember 2013. Delegasi lawatan terdiri daripada Timbalan Dekan Akademik, En. Ahmad Zubir bin Jamil serta Ketua Jabatan, En. Nur Rashid Mat Nuri dan En. Zolkarnain bin Marjom. Antara universiti yang telah di lawati adalah University of Applied Science Darmstadt, Frankfurt am Main serta Universiti of Versailles, St. Quentin-en-Yvelines, IUT Mantes en Yvelines



Lawatan serta perkongsian kepakaran teknikal di Korea yang dihadiri oleh Ybhg Dekan sendiri serta beberapa tenaga pengajar dari Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik (JTKE) dan Elektronik dan Komputer (JTKEK). Tenaga pengajar didedahkan dengan teknologi pembangunan perisian berdasarkan platform Android di samping berpeluang untuk melawat KIT serta Gumi University. Program ini telah berlangsung dari 30 September hingga 05 Oktober 2013.



Lawatan ke Nanyang Polytechnic serta Institute of Technical Education, Singapore pada 05 Disember 2013 yang dihadiri oleh Ybhg Dekan, TDA serta KJ Teknologi Pembuatan. Antara tujuan utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan maklumat bagaimana program teknikal dilaksanakan di sana serta kemudahan makmal serta peralatan yang dibangunkan untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran



PROGRAM MOBILITI PELAJAR

Dalam memberi ruang kepada pelajar untuk berkongsi pengetahuan dengan pelajar-pelajar luar negara di samping bertukar-tukar pandangan dan pendapat dalam pelbagai isu yang relevan, fakulti telah melibatkan beberapa orang pelajar dalam program mobiliti tanpa kredit. Pelajar-pelajar ini dipilih dengan mengambilkira kepada pencapaian akademik semasa di samping turut aktif dalam persatuan.

Antara program yang disertai adalah International Summer Program yang dianjurkan oleh Kumoh National Institute of Technology (KIT) pada 26 hingga 30 Ogos 2013. Juga, fakulti telah mengemukakan 2 orang calon untuk menyertai DREAM International Summer Program yang telah dijalankan oleh Universitas Gadjah Mada, Indonesia



BIL	NAMA	NO MATRIK	KURSUS	CGPA
1.	MOHAMMAD FIRDAUS BIN NORAZMAN	B071110213	2 BETE	3.88
2.	HAFIZUDDIN BIN OTHMAN	B071110246	2 BETI	3.84
3.	MUHAMMAD HAFIZ BIN MOHAMED YUNOS	B071110411	2 BETR	3.80
4.	SHAFARINA WATI BINTI ISMAIL	B071110040	2 BETC	3.91

PERANTIS

Fakulti Teknologi Kejuruteraan merupakan satu-satunya fakulti yang menyediakan platform bagi para pelajar bermula dari tahun 1 sehingga tahun akhir untuk mendapatkan pendedahan industri yang sebenar di industri-industri yang berkaitan. Sehingga kini, antara program perantis yang terlibat adalah di industri automotif bersama pihak Automotive Malaysian Institute (MAI) seperti Honda, Infineon, PHN Industry, Sri Kota Rubber, Armstrong, Wajapart dan Ingress Precision Sdn. Bhd.

Para perantis yang terlibat akan menjalani 6 modul (softskills dan modul-modul industri) pada setiap semester di sepanjang pengajian mereka di UTeM sebelum mengikuti latihan industri selama 2 bulan pada setiap cuti panjang pengajian mereka pada setiap tahun. Antara aktiviti dan pencapaian program perantis sehingga kini.

PERANTIS 2012



Sebahagian perantis sedang menyiapkan 'task' yang diberikan oleh pihak MAI ketika sesi pelaksanaan Modul.



Perkongsian pengalaman daripada mengenai program perintis daripada wakil MAI.

Perlaksanaan Modul bagi para perantis

Pada 29 Februari 2012 hingga 1 Jun 2012, para perantis telah menghadiri sesi modul oleh pihak MAI sebelum menjalani program pendedahan industri di kilang-kilang yang berkenaan. Antara topik modul adalah seperti Confidence and Vision, Understanding Communication Dynamic, Public Speaking, Persuasion Skills, Presentation Skills and Showcase.



Gambar menunjukkan satu-satunya perantis dan pekerja teknikal wanita di PHN Melaka.



Perantis yang ditempatkan di PHN (Shah Alam, Selangor)

Program Pendedahan Industri di PHN

Industry Sdn. Bhd. (Melaka & Shah Alam)

Penempatan Perantis adalah mengikut persetujuan pihak industri yang terlibat bersama FTK dan MAI. Seramai 2 orang perantis ditempatkan di PHN Industry Sdn. Bhd.



Perantis di Honda(M), Melaka



Perantis sedang mempraktikkan 5S di Honda (M), Melaka



Salah seorang perantis di Jabatan Painting, Honda (M), Melaka.

Program Pendedahan Industri di Honda Melaka

Honda (M) Sdn Bhd - HMSB telah bersetuju menerima seramai 34 orang perantis bagi menjalani program pendedahan industri selama 7 minggu iaitu 2 Julai hingga 17 Ogos 2012. Para perantis telah menjalani proses pra-induksi pada hari pertama sesi latihan. Kemudian para perantis telah ditempatkan di lima jabatan masing-masing.



Sebahagian perantis yang di tempatkan di Infineon (M), Melaka



Perantis melakukan kerja di Production Line (Clean room)

Program Pendedahan Industri di Infineon Technologies

Infineon Technologies (M) Melaka telah bersetuju untuk menerima 17 orang perantis bagi menjalani pendedahan industri. Para perantis telah ditempatkan di setiap segmen/jabatan iaitu POM (Power), DS (Discrete), SENS (Sensor) dan LO (Logic).

PERANTIS 2013



Lawatan penyelia dari fakulti di Syarikat Honda bersama wakil MAI

Setiap perantis di Honda diberi tugas sebagai team leader dan perlu membentangkan hasil tugas di akhir sesi latihan



Program Pendedahan Industri di Honda Melaka

Pada 1 Julai hingga 30 Ogos 2013, para perantis memulakan latihan industri di Honda (M) Sdn Bhd - HMSB untuk tahun kedua. Honda (M) Sdn Bhd - HMSB telah membuat tapisan ke atas perantis yang menjalani latihan industri berdasarkan beberapa kriteria seperti kehadiran, disiplin, perkembangan kemajuan dan permohonan daripada perantis itu sendiri.

Daripada jumlah 34 orang perantis yang menjalani latihan industri, seramai 14 orang yang tinggal dan ada juga yang memohon ingin menukar syarikat atas sebab-sebab tertentu. Untuk latihan pada kali ini, peranan perantis adalah sebagai team leader dan mereka telah diberikan tugas oleh penyelia masing-masing bagi menyelesaikan atau menganalisa kes-kes tertentu. Di akhir latihan mereka perlu membentangkan hasil kajian yang telah mereka buat di sepanjang latihan tersebut di hadapan pengurusan HONDA.



Perbincangan bersama pihak Azbil-Yamatake berlokasi di premis Azbil-Yamatake



Perantis di Azbil-Yamatake menjalani latihan di 'site' bersama-sama staff syarikat



Program Pendedahan Industri di Azbil-Yamatake

Azbil-Yamatake merupakan syarikat di bawah Azbil Corporation Japan yang berstatus bumiputera. Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 2008 dan telah berkhidmat dengan pelanggan di Malaysia terutamanya dalam bidang minyak dan gas, pendidikan, petrokimia dan marin.

Azbil-Yamatake telah berminat untuk menerima sebanyak 5 orang perantis dari FTK, UTeM selama 2 bulan. Pejabat syarikat ni adalah berlokasi di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur, namun para perantis perlu pergi ke lokasi pelanggan Azbil-Yamatake sekiranya diperlukan bagi menimba pengalaman yang berharga.



Perantis menjalani latihan di PHN

Sesi perbincangan dan lawatan oleh penyelia dari fakulti bersama pihak PHN berkenaan perantis



Program Pendedahan Industri di PHN Industry Sdn. Bhd. (Melaka & Shah Alam)

Seramai seorang perantis ditempatkan di PHN Industry Sdn. Bhd.



Perantis menjalani latihan di Infineon

Majlis penghargaan kepada perantis di Infineon oleh pihak industry



Program Pendedahan Industri di Infineon Technologies

Infineon Technologies (M) Melaka telah bersetuju untuk menerima 19 orang perantis bagi menjalani pendedahan industri. Seramai 7 orang dari Kohort 1 dan 12 orang dari Kohort 2.



Lawatan penyelia ke Syarikat Silterra

Program Pendedahan Industri di Syarikat Silterra

Seramai 2 orang perantis ditempatkan di Syarikat Silterra. Silterra merupakan salah sebuah syarikat baru yang bersetuju untuk menerima pelajar dari FTK, UTem bagi menjalani program perantis.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PEMERIKSA LUAR DAN PANEL PENASIHAT INDUSTRI

Bagi memastikan kursus-kursus di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) mampu melahirkan graduan-graduan yang berkemampuan untuk memenuhi keperluan di industri, maka adalah wajar untuk memastikan silibus tersebut dilaksanakan dengan mengikuti kaedah-kaedah yang terbaik. Sehubungan dengan itu, sepanjang tahun 2013, pihak FTK telah menerima kehadiran pemeriksa-pemeriksa luar dan panel penasihat industri bagi memastikan kursus-kursus di setiap jabatan di FTK dilaksanakan dengan sewajarnya. Aktiviti lawatan dan mesyuarat merangkumi lawatan-lawatan ke makmal yang telah dibangunkan, semakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, semakan kertas peperiksaan akhir serta perbincangan bersama pengajar dan juga sesi temubual bersama pelajar. Secara keseluruhan, program ini telah berlangsung dengan lancar dan beberapa komen dan ulasan yang diberikan oleh pemeriksa luar ini akan diambil kira untuk tujuan penambahbaikan.

PEMERIKSA LUAR (ANTARABANGSA)

Pihak FTK telah menerima lawatan oleh Prof Thierry Chevrot yang mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan mekanikal dari University of Versailles (UVSQ) bermula 28 Jun sehingga 06 Julai 2013. Objektif utama lawatan dan mesyuarat ini adalah bertujuan untuk semakan terhadap pelaksanaan kursus-kursus di bawah Jabatan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (JTKM) dan Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (JTKP) di samping untuk mendapatkan maklumbalas serta cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.



Pihak FTK juga telah menerima lawatan daripada Prof. Ing. Dr. Heinz Schmiedel yang juga merupakan professor dalam bidang kejuruteraan elektronik dan teknologi maklumat dari University of Applied Science Hochschule Darmstadt bermula 21 sehingga 26 Oktober 2013 untuk tujuan yang sama bagi kursus-kursus di bawah Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik (JTKE) dan Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (JTKEK). Ini merupakan lawatan kedua Prof. Ing. Dr. Heinz Schmiedel ke FTK yang mana lawatan pertama telah diadakan pada 17 Oktober 2012.



PANEL PENASIHAT INDUSTRI (IAP) FTK

Pada 11 November 2013, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (JTKM) telah mengadakan mesyuarat bersama panel penasihat industri, iaitu Ir Mohd Qaharuddin bin Abdullah bagi tujuan semakan dan mendapatkan maklumbalas berkenaan kursus Teknologi Penyelenggaraan yang sedang dijalankan. Ir Mohd Qaharuddin mempunyai pengalaman dan kepakaran yang luas dalam bidang kejuruteraan mekanikal.

Mesyuarat ini merangkumi taklimat daripada Ketua Jabatan, En. Nur Rashid bin Mat Nuri berkenaan struktur kurikulum kursus, perbincangan bersama tenaga pengajar serta lawatan ke makmal-makmal yang telah dibangunkan untuk menyokong pelaksanaan program. Secara keseluruhannya, perbincangan tersebut telah berjalan dengan lancar dan panel telah memberikan maklumbalas yang boleh membantu untuk mempertingkatkan pelaksanaan kursus ini.



HUBUNGAN INDUSTRI 2012

Perbincangan bersama MAI

Pada Januari 2012, ketua deligasi iaitu En. Hatta bin Jopri telah mengadakan perbincangan bersama Malaysia Automotive Institute (MAI) di Putrajaya mengenai pelaksanaan program Perantis yang bakal melibatkan pelajar-pelajar FTK. Perbincangan tersebut telah membuahkan hasil dimana ianya akan diteruskan dengan penglibatan pelajar-pelajar di beberapa industri iaitu Honda, Infineon Technologies, PHN Industry Sdn Bhd dan Sri Kota Rubber Mfg Sdn Bhd.



Perbincangan bersama MAI di Putrajaya mengenai program Perantis

"Hands ON Training (HOT)" oleh Western Digital

Satu slot penambahan ilmu untuk staf FTK telah diadakan pada Januari 2012. Pihak Western Digital telah berkerjasama bagi menganjurkan "Hands On Training (HOT)" untuk staf FTK. Program ini telah diketuai oleh Engr. Mohd Syahrin Amri Bin Mohd Noh dan diadakan di Western Digital, Petaling Jaya.



“Technical Talk” mengenai “Engineering Graphics & Technical Drawing in Aircraft Industry”

En Hambali bin Boejang dari JTKP telah berusaha menganjurkan sesi ceramah yang telah disampaikan oleh En Fikirly Helmi B. Mohd Hayaha @ Adzhar dan En Erman Indera Wan B. Husni Tamrin (Senior Manufacturing Engineer CTRM).



Mesyuarat bersama AJK Hubungan Industri dan Proton

Pada Mei 2012, mesyuarat kedua antara AJK Hubungan Industri FTK dan Proton telah berjaya dilaksanakan. Ketua delegasi bagi pihak FTK ialah En. Muhammed Noor Bin Hashim dari JTKM.

Aktiviti-aktiviti yang telah dirancang bersama adalah proses perkongsian kepakaran iaitu proses pemindahan lukisan 2D komponen Proton ke sistem 3D CATIA. Proton turut memerlukan kepakaran UTeM dalam membincangkan perkara “universal jig” di dalam “Simultaneous Engineering”.



Ceramah mengenai topic “Semiconductor” oleh ON Semiconductor

Pada Mei 2012, En Lim Wee Teck dari ON Semiconductor telah memberi ceramah kepada pelajar-pelajar FTK mengenai topic “Semiconductor”. Aktiviti ini telah memberi pengetahuan kepada pelajar FTK mengenai bahan-bahan yang digunakan di dalam penghasilan sesebuah mikrochip.



HUBUNGAN INDUSTRI 2013

Perkongsian Ilmu dari Western Digital dengan topik “Basic on Hard Disc Drive”

Pada 17 April 2013, ceramah bertajuk “Basic on Hard Disc Drive” telah disampaikan oleh En Mak Chee Wai dari Western Digital. Beliau merupakan Pengarah Product Engineer yang telah berkhidmat selama 18 tahun. Seramai 88 pelajar telah hadir untuk aktiviti ini.



Perbincangan mengenai penubuhan "calibration lab" yang pertama di FTK / UTeM bersama TekMark Sdn Bhd

Pada 8 Mei 2013, Engr. Mohd Syahrin Amri Bin Mohd Noh, En. Muhammad Sharil Bin Yahaya dan beberapa staf FTK telah mengadakan perbincangan mengenai penubuhan "calibration lab" di FTK bersama Tekmark Sdn Bhd. Program ini turut dihadiri oleh dekan FTK, Prof Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff serta ketua jabatan JTKE dan JTKEK.



Perbincangan bersama NAZA Auto Solutions (Asia) Sdn. Bhd

Perbincangan bersama Naza Auto Solutions (Asia) Sdn. Bhd telah berjaya dilaksanakan pada Mei 2013. Seramai lima orang wakil dari JK Hubungan Industri FTK iaitu En. Effendy Onn bin Siam, En. Nadzrie bin Mohamood, Engr. Hassan bin Attan, En. Omar bin Asaroon dan En. Ahmad Zainal Taufik bin Zainal Ariffin. Manakala pihak NAZA diwakili oleh En Nor Azam, En. Mohd Nazrin dan Puan Hajah Remlah dalam sesi perbincangan ini.



Ceramah Hard Disc Drive & HDD Manufacturing Basic Training di Western Digital, Petaling Jaya, Selangor

Pada 9 dan 10 Mei 2013, staf FTK, En.Mohd Fauzi Bin Ab Rahman dan En. Aminurrashid Bin Noordin telah mengadakan ceramah kepada pelajar 38 orang INDEP (Politeknik) di Western Digital, Petaling Jaya.



Mesyuarat bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran

Satu mesyuarat mengenai pembangunan kompetensi minimum di dalam bidang semikonduktor (Level 1-2) untuk pelajar FTK telah berlangsung pada 13 Mei 2013 dan dihadiri oleh Puan Rohana Binti Abdullah serta Engr.Mohd Syahrin Amri Bin Mohd Noh.



Lawatan Industri ke Yamazaki MAZAK Singapore, Nanyang Polytechnic & Institute of Technical Education (ITE)

Pada 13 Sept 2013, lawatan industri ke Yamazaki telah dihadiri oleh PM Mohd Rahimi Bin Yusoff, En. Ahmad Zubir Bin Jamil, Engr. Zolkarnain Bin Marjom, En. Syahrul Azwan Bin Sundi @ Suandi dan En. Muhammad Syafik Bin Jumali untuk melihat dan mengetahui lebih dekat lagi tentang teknologi terkini permesinan Computer Numerical Control (CNC) yang terdapat di dalam pasaran.



Perbincangan untuk mengadakan projek usahasama bersama Infineon

Pada 26 Sept 2013, beberapa tajuk projek telah diberikan oleh pihak Infineon yang boleh diusahakan bersama. Terdapat juga perbincangan mengenai pertukaran kepakaran antara Infineon dan UTeM bagi menambahkan pengetahuan mengenai bidang semikonduktor. Perbincangan ini diwakili oleh Engr Mohd Syahrin Amri Bin Mohd Noh dan En Zulkifli Bin Ibrahim.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





MOU SIGNING CEREMONY

Pada 4 Jun 2013, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) dan industri telah diadakan di Dewan UTeM1, Kampus Teknologi. Majlis telah dihadiri oleh Yg. Bhg. Datuk Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee Bin Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Yg. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM dan pegawai-pegawai kanan UTeM yang lain. Perjanjian ini adalah hasil usaha FTK yang diketuai oleh JK Hubungan Industri dan ianya telah melalui beberapa siri perbincangan dan lawatan sebelum ianya berjaya dimeterai. MOU ini memfokuskan perkongsian kepakaran dan teknologi industri bersama staf mahupun pelajar UTeM. Syarikat-syarikat yang terlibat adalah Dassault Systeme, Mawea Industries dan Dreamedge Sdn Bhd.





JK Pengiktirafan

Lawatan 2012

